

# Nasihat ikhlas dari Dr. M.

"TANDING kedua jawatan", kata sebuah kepala muka hadapan Berita Minggu Mei 24, 1981.

Berita berikutan berkata, calon-calon jawatan Timbalan Presiden UMNO dinasihatkan bertanding jawatan Naib Presiden bagi memastikan mereka dapat terus berperanan dalam Parti itu sekiranya kalah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, berkata beliau telah menasihatkan Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam berbuat demikian supaya mereka dapat berkhidmat terus dalam UMNO.

Beliau bertindak demikian, tambahnya, bukan kerana UMNO tidak boleh kehilangan salah seorang dari pemimpin tersebut, tetapi UMNO memerlukan tenaga setiap ahlinya seberapa lama yang boleh.

Bagaimanapun, beliau tidak akan memaksa mereka menukar keputusannya jika tetap ingin bertanding satu jawatan sahaja.

\* \* \*

## Komen Penulis:

Maka dengan ini teringatlah penulis kepada apa yang berlaku tidak lama dahulu di sebuah parti komponen Barisan Nasional, bila seorang pemimpin atasan parti berkenaan mengisytiharkan bahawa beliau akan bertanding hanya untuk merebut jawatan Presiden sahaja. (Setelah beliau mengalami kekalahan beliau tidak lagi berada di pucuk pemimpin-parti berkenaan dan dengan itu partinya

telah kehilangan perkhidmatannya).

Di waktu mengulas keputusan tokoh berkenaan, penulis berkata bahawa tokoh itu adalah berbandukan kepada prinsip "Now or Never" — taktik yang biasanya diamalkan oleh orang-orang di meja "poker", bila mereka berkeadaan desperasi. Dalam bahasa lain orang-orang itu akan mempertaruhkan kesemua modalnya dan, jika kalah, mereka tidak lagi akan meneruskan permainan tapi akan berkejar terus ke bilik mandi untuk membasah dan menyejukkan kepala...

(Nota: Kedua-dua pemimpin yang dimaksudkan oleh Datuk Seri D.M. itu bukanlah "pemain poker" desperasi, sebaliknya adalah pemimpin-pemimpin bertanggungjawab dedikasi, berkaliber, berpengalaman, berpelajaran tinggi dan berjiwa rakyat, yang lebih mengutamakan kepentingan Parti dan Negara dari imej peribadi. Oleh itu penulis percaya mereka akan menghormati nasihat Datuk Seri itu).

Bercakap mengenai poker, maka teringatlah penulis kepada satu lagi cerita lama mengenai subjek yang sama. Di zaman pemerintahan Jepun dahulu, ada seorang rakan penulis bernama An Han, yang boleh dianggap sebagai "super-pakar" di bidang "poker"; dan jikalau di waktu itu ada sesebuah universiti yang mempunyai "Jabatan Poker", beliau tentu sekali berkelayakkan penuh untuk mendapatkan Ijazah Ph.D. dalam h a l e h w a l poker....Sebagai ganti kepada "Dokter", rakan-rakananya memberi gelaran "Professor" kepadanya.

"Prof" An Han ini sentiasa bersimpati terhadap pemain-pemain baru. Dalam bahasa lain beliau tidak suka melihat pemain baru "disembelih" oleh pemain veteran. Tetapi, dengan sebab tertentu, beliau tidak suka campur tangan secara langsung dalam satu-satu

perlawanan. Oleh itu beginilah, cara beliau "menyelamatkan" seseorang pemain baru dari di "korbankan" oleh pemain-pemain yang berpengalaman:

Misalnya, bila seorang pemain baru sedang berkonfrantasi secara satu sama satu dengan seorang pemain veteran, dan jika mengikut bacaan Professor itu pemain baru itu akan kehilangan kesemua modal di tangan pemain veteran maka beliau secara "casual" akan berkata-kata kepada dirinya sendiri: "Mengikut kata-kata hikmat China purba 'He who fights and runs away will live to fight another day.'" (Maksudnya di sini ialah supaya pemain baru menutup daun dengan cara itu menyelamatkan modal untuk diguna dalam perlawanan di pusingan yang lain nanti).

Penjelasan Khas:

Cerita diarah "Professor" Ah Han ini adalah untuk pengetahuan am para pembaca semata-mata. Kerana ia tidak langsung mempunyai relevansi dengan perlawanan di antara Tengku R. dan Datuk M itu. Sebab: Dalam perlawanan Tengku R. dan Datuk M. itu, kedua-dua peserta adalah "so well balanced" — sama muda, sama handal, sama kuat, sama bergaya (dan sama "handsome"). sama tinggi, hampir-hampir sama berat, sama pandai dan sama bijak dan oleh itu perlawanan satu sama satu di antara mereka itu tidaklah boleh disamakan sebagai perlawanan di antara pemain muda dengan pemain veteran.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia